



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Perkhidmatan pengangkutan

Disampaikan oleh Jabatan Pengangkutan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Pengangkutan Western Australia, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyokong secara keseluruhannya objektif menyediakan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, berkesan dan saksama di Wilayah Lautan Hindi. Melalui nasihat, perkhidmatan dan sokongan yang diberikan, aturan ini bertujuan mencapai ketekalan setakat yang boleh dengan sistem pengangkutan di Western Australia.

Apakah ertinya bagi saya?

Kerajaan Australia mewajibkan semua kenderaan bermotor didaftarkan. Maksudnya, jika anda memiliki kereta, motosikal atau kenderaan lasak (ATV), anda perlu mendaftarkan kenderaan itu dengan Pejabat Pendaftaran Kenderaan Bermotor di tempat anda atau jika anda memiliki bot, daftarkan terus dengan Jabatan Pengangkutan.

Jabatan Pengangkutan juga menyokong pengeluaran lesen pemandu untuk digunakan dengan kenderaan berdaftar.

Semua lesen dan pendaftaran bagi Pulau Christmas diproses di Pentadbiran Wilayah Lautan Hindi. Shire Kepulauan Cocos (Keeling) memproses lesen dan mendaftarkan kenderaan bermotor untuk Kepulauan Cocos (Keeling).

Jabatan Pengangkutan juga menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan yang berkait tidak hanya dengan pelesenan kenderaan, tetapi juga piawaian keselamatan kenderaan, keselamatan laut, teksi dan kenderaan sewa khas, penerbangan, muatan dan penyelesaian pengangkutan alternatif.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Pulau Christmas – Telefon	08 9164 7901 sambungan 8522
Kepulauan Cocos (Keeling)	
Pulau Home – Telefon	08 9162 6649
Pulau West – Telefon	08 9162 6740
Laman web	www.transport.wa.gov.au